# PELAN **ANTIRASUAH** ORGANISASI

***Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)***

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

***2021-2025***





# Amanat

**YB DATO' SERI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**
MENTERI KANAN KERJA RAYA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, Kementerian Kerja Raya (KKR) berjaya membangunkan **Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KKR 2021-2025**. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini.

Inisiatif yang telah digariskan ini melambangkan hasrat dan usaha kementerian secara kolektif untuk memastikan Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Pelan OACP ini menyatukan semua usaha berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang merupakan salah satu Minister Performance Indicator (MPI) saya.

Saya menyeru semua pihak khususnya warga KKR untuk menggembleng tenaga serta berganding bahu untuk menjadikan negara ini sentiasa bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Berintegriti kita ampuh, tanpa integriti negara dan tamadun akan runtuh.

Saya ingin memetik ayat daripada Surah Al-Baqarah ayat 188:

***"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)".***

Sebagai masyarakat yang berilmu, kita sewajarnya mengambil pengajaran daripada pelbagai situasi yang kita alami dan mencari kebenaran dalam kehidupan ini. Janganlah sesekali kita mengikuti perbuatan mahupun perkara lain yang akan membawa kerosakan, seterusnya menghalang kita daripada mencapai kejayaan dan kemajuan.

Marilah kita bersama bersatu-padu untuk terus membina negara yang maju dan makmur, untuk Malaysia agar lebih berdaya saing, bersih dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.



# Perutusan

**YBHG. DATUK DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN**
KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara ialah visi utama Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR). Perkara ini menjadi tanggungjawab KKR untuk memastikan pembangunan infrastruktur dilaksanakan dengan cekap, berkualiti dan lestari serta menjadikan industri pembinaan negara lebih mantap dan berdaya saing pada peringkat global.

Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti tiga (3) nilai utama yang perlu diamalkan oleh warga KKR iaitu Profesional, Integriti dan Kerja Berpasukan. Sebagai salah satu kementerian yang besar, usaha ke arah pembangunan dan pemantapan industri pembinaan negara sangat terdedah pada risiko penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan juga amalan rasuah.

Penekanan terhadap pelaksanaan aktiviti yang menjurus pada pengukuhan integriti perlu diberikan keutamaan. Pelbagai aktiviti yang dirancang seperti yang terdapat dalam OACP KKR 2021-2025 ini juga perlu diberikan perhatian yang serius. Hal ini selari dengan usaha kerajaan dalam mewujudkan pelan tindakan ini di setiap kementerian dengan usaha sama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Usaha ini adalah ke arah mewujudkan perkhidmatan yang cemerlang berpaksikan integriti.

Saya menyeru seluruh warga KKR agar mempunyai keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral positif yang tidak mudah dipengaruhi demi mempertahankan nama baik kementerian dan warga KKR daripada segala bentuk penyelewengan. Elemen integriti iaitu akauntabiliti, telus, amanah dan jujur perlu dijadikan panduan utama.

Memetik daripada surah Al-Qasas ayat 26:

***"Sesungguhnya sebaik-baik orang yang diambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah."***

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada pasukan petugas yang telah berjaya menerbitkan dokumen OACP ini. Semoga kejayaan ini dapat diteruskan lagi dengan pemantauan dan penyelarasan yang efektif.

Sekian, terima kasih.



# Kata Aluan

**YBRS. TUAN SENG CHUAN A/L DIN WAN**
Pengarah Unit Integriti

Salam Sejahtera,

Ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang secara langsung dan tidak langsung telah menyumbang di dalam pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti Corruption Plan* (OACP) Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 dapat dihasilkan.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KKR 2021-2025 yang dibangunkan ini bertujuan memastikan warga kerja dan organisasi KKR mendukung aspirasi dan agenda nasional dalam membanteras perilaku gejala rasuah dan pelanggaran integriti. Integriti merupakan kualiti asas yang perlu ada dalam jiwa setiap penjawat awam. Untuk memenuhi harapan rakyat, sistem penyampaian perkhidmatan awam perlu berteraskan nilai-nilai amanah.

Walaupun inisiatif yang digubal dalam OACP ini dihasilkan untuk pelaksanaan pada tahun 2021-2025, namun ia perlu diteruskan pada masa hadapan untuk memastikan pembangunan organisasi KKR yang lestari dan bebas rasuah.

Unit Integriti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dengan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung dalam menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KKR 2021-2025. Semoga semua warga KKR dapat memanfaatkan penghasilan pelan antirasuah ini dalam merealisasikan usaha kerajaan memerangi rasuah dan salah laku integriti.

Memetik kata-kata Warren Buffet,

***"Somebody once said that in looking for people to hire, you look for three qualities: integrity, intelligence, and energy. And if you don't have the first, the other two will kill you."***

Maka, tanpa integriti, agenda pembangunan yang ingin dicapai pasti akan menemui kegagalan.

Sekian.

# Isi Kandungan

BAB 01

## PENGENALAN


| | |
|---|---|
| 7 | LATAR BELAKANG ORGANISASI |
| 10 | DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS KEMENTERIAN KERJA RAYA |
| 12 | PELAN TINDAKAN DAN PENGUKUHAN INTEGRITI KEMENTERIAN KERJA RAYA |
| 15 | SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI DI KKR |


BAB 02

## MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH KEMENTERIAN KERJA RAYA


| | |
|---|---|
| GARIS PANDUAN ASAS MEMBINA KERANGKA PELAN | 22 |
| KEPERLUAN KERANGKA ORGANISASI | 23 |
| KERANGKA OACP KKR | 24 |
| PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KKR 2021 - 2025 | 24 |
| ANALISIS KUADRAN PELAN TINDAKAN | 27 |
| KEUTAMAAN STRATEGI | 28 |
| PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN | 32 |


BAB 03

## TADBIR URUS


| | |
|---|---|
| 46 | MEKANISME PELAKSANAAN |
| 49 | MEKANISME PENILAIAN |


BAB 04

## KESIMPULAN


| | |
|---|---|
| PENGHARGAAN | 57 |
| JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP | 58 |
| PASUKAN EDITOR | 62 |

# BAB 01

# Pengenalan


| | |
|---|---|
| LATAR BELAKANG ORGANISASI | 7 |
| DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS KEMENTERIAN KERJA RAYA | 10 |
| PELAN TINDAKAN DAN PENGUKUHAN INTEGRITI KEMENTERIAN KERJA RAYA | 12 |
| SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI DI KKR | 15 |



# LATAR BELAKANG ORGANISASI

Kementerian Kerja Raya Malaysia bertanggungjawab melaksanakan pembangunan infrastruktur awam di negara ini. Peranan, tanggungjawab dan sumbangan kementerian dalam pembangunan fizikal negara mempunyai hubung kait dengan Jabatan Kerja Raya yang telah ditubuhkan sejak 1872. Kementerian Kerja Raya telah ditubuhkan pada tahun 1955 dan diketuai oleh YB Tuan Sardon bin Haji Jubir sebagai Menteri Kerja Raya yang pertama. Pada tahun 1956, nama kementerian telah diubahkan kepada Kementerian Kerja Raya, Pos dan Telekom yang bertanggungjawab kepada tiga (3) jabatan iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan Pos dan Jabatan Telekom.

Oleh sebab penyusunan semula Jemaah Menteri pada tahun 1972, nama kementerian telah diubahkan kepada Kementerian Kerja Raya dan Tenaga. Pada tahun 1974 pula, nama Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan digunakan selaras dengan peranan dan tugas baharu yang melibatkan sistem pengangkutan jalan raya. Seterusnya, nama Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-Kemudahan Awam digunakan pada tahun 1976 seiring dengan perkembangan pesat sosioekonomi negara.

Bermula pada tahun 1983, nama Kementerian Kerja Raya digunakan semula untuk memenuhi pengkhususan tanggungjawab dalam perancangan, pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur negara. Peranan Kementerian Kerja Raya telah diperkukuh dengan sokongan enam (6) agensi seperti Jadual 1.

*Sumber: Buletin Kementerian Kerja Raya, Januari 1989*

| AGENSI | TAHUN |
|---|---|
| Jabatan Kerja Raya | 1872 |
| Lembaga Jurutera Malaysia | 1972 |
| Lembaga Arkitek Malaysia | 1972 |
| Lembaga Juruukur Bahan Malaysia | 1972 |
| Lembaga Lebuhraya Malaysia | 1980 |
| Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia | 1994 |

Jadual 1: Agensi di bawah Kementerian Kerja Raya

**FUNGSI DAN PERANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA**

- Merancang dan menyelaras projek-projek infrastruktur negara;
- Melaksanakan dan memantau projek-projek pembangunan infrastruktur;
- Menyelaras dan memantau semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Kerja Raya;
- Menyediakan perkhidmatan perundingan kepada agensi-agensi kerajaan;
- Mengawal selia lebuh raya yang diswastakan;
- Mengembangkan industri pembinaan;
- Meningkatkan kemahiran tenaga kerja dalam industri pembinaan;
- Memantau penyenggaraan jalan-jalan persekutuan;
- Mengendalikan dan memantau penyenggaraan bangunan guna sama kerajaan yang diswastakan;
- Membantu dalam pewartaan rizab jalan persekutuan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara;
- Pengisytiharan semua jalan persekutuan, termasuk lebuh raya di bawah Akta Jalan Persekutuan 1959;
- Penentuan taraf bumiputera dalam melaksanakan projek kerajaan;
- Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984; dan
- Akta Tol (Jalan Raya dan Jambatan) 1965

# VISI

- Peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara.

# MISI

- Memastikan pembangunan infrastruktur dilaksanakan dengan cekap, berkualiti dan lestari.
- Memantapkan industri pembinaan negara yang lebih berdaya saing pada peringkat global.

# MOTO

- Ke Arah Kesejahteraan Rakyat

# NILAI-NILAI BERSAMA

Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti tiga (3) nilai bersama utama yang perlu diamalkan oleh warga Kementerian Kerja Raya iaitu Profesional, Integriti dan Kerja Berpasukan.

## 1. Profesional

Mempunyai kemampuan, kemahiran serta cara pelaksanaan yang sewajarnya oleh seseorang untuk mencapai kecemerlangan kementerian.

**Elemen profesional:** berilmu, berkemahiran, berkepemimpinan, komunikasi berkesan, berfikiran terbuka, berdaya saing dan positif.

## 2. Integriti

Mempunyai keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral positif yang tidak mudah dipengaruhi demi mempertahankan nama baik kementerian dan warga KKR daripada segala bentuk penyelewengan.

**Elemen integriti:** akauntabiliti, telus, amanah dan jujur.

## 3. Kerja Berpasukan

Mempunyai kebolehan untuk membina hubungan baik dengan berinteraksi secara efektif bersama warga kementerian untuk mencapai objektif yang sama.

**Elemen kerja berpasukan:** bekerjasama, prihatin, saling berkongsi dan hormat-menghormati.

# DASAR INTEGRITI & TADBIR URUS KEMENTERIAN KERJA RAYA

Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menangani isu integriti, governans dan antirasuah di dalam negara terutama dalam sektor perkhidmatan awam. Usaha dan inisiatif yang dijalankan adalah untuk memastikan gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pembaziran peruntukan kerajaan dapat dihapuskan. Hal ini adalah untuk memantapkan imej dan kualiti perkhidmatan awam serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Bilangan 1 Tahun 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 8 Jun 2018 telah bersetuju untuk merangka, menggubal serta membangunkan satu pelan yang strategik dan komprehensif untuk menangani isu integriti dan rasuah di dalam negara yang akan menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN). Selaras dengan arahan tersebut, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang diterajui oleh Pusat Governans dan Antirasuah (GIACC) telah dihasilkan.

Lanjutan itu, Pelan Antirasuah Organisasi KKR 2021-2025 dibangunkan. Pelan ini telah mengenal pasti risiko sedia ada. Pelan ini menggariskan inisiatif yang praktikal untuk dilaksanakan. Pelan ini juga akan digunakan oleh KKR untuk membendung dan menangani isu integriti, governans dan rasuah di KKR dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

Setiap inisiatif yang telah ditetapkan dalam pelan ini perlu dilaksanakan dan pencapaian setiap inisiatif akan dipantau, dinilaikan dan dilaporkan kepada Pengurusan KKR melalui Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) KKR yang ditetapkan tiga (3) kali setahun.

# PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN)

Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dilancarkan pada 23 April 2004. Pelan ini diperincikan dengan lebih jelas untuk mencapai cabaran keempat yang digariskan dalam Wawasan 2020 iaitu "Membentukkan masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etika dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur".

Objektif khusus PIN adalah seperti berikut:

- Memberikan hala tuju dan bimbingan pelbagai sektor supaya mereka dapat bekerjasama dalam usaha membina masyarakat yang bersatu padu, berharmoni, berintegriti, bermoral dan beretika;
- Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor dalam usaha peningkatan integriti supaya integriti menjadi budaya masyarakat dan diamalkan dalam semua bidang;
- Menggalakkan semangat bertanggungjawab di kalangan anggota masyarakat serta mendorong perkembangan masyarakat sivil yang menjunjung prinsip integriti dan bergerak cergas menegakkan integriti;
- Menyumbang kepada usaha pengukuhan asas moral masyarakat dan negara, dan peningkatan kesejahteraan hidup anggota masyarakat; dan
- Meningkatkan daya saing dan daya tahan Malaysia dalam usaha menangani cabaran abad ke-21 khususnya cabaran globalisasi dengan lebih berkesan.

# PELAN TINDAKAN DAN PENGUKUHAN INTEGRITI KEMENTERIAN KERJA RAYA

Objektif utama Pelan Tindakan dan Pengukuhan Integriti, Kementerian Kerja Raya (PTPI KKR) adalah untuk memperkukuhkan asas nilai-nilai murni dan membudayakan integriti sebagai amalan warga kerja KKR. PTPI KKR juga bertujuan meningkatkan tadbir urus yang baik, kompetensi teras dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

Sebanyak lima (5) strategi PTPI KKR telah ditetapkan untuk mencapai objektif yang disasarkan iaitu:



**STRATEGI 1**
Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus Terbaik



**STRATEGI 2**
Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan



**STRATEGI 3**
Melaksanakan Program Memerangi Jenayah Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa



**STRATEGI 4**
Memurnikan Sistem Keadilan dan Tatatertib



**STRATEGI 5**
Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia

# INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH KKR













# INISIATIF EDARAN INFOGRAFIK BULANAN
# OLEH UNIT INTEGRITI KKR




































## SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI DI KKR

Semasa Bengkel Pembangunan Dokumen OACP KKR diadakan, pelbagai data telah diperoleh sepanjang proses penilaian risiko untuk menentukan bidang yang perlu diberikan tumpuan oleh kementerian dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan. Data-data berkenaan adalah berbentuk laporan, kajian, statistik dan maklumat dari agensi yang berkaitan seperti berikut:

**i. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) *Transparency International* 2015-2019**

Kedudukan Malaysia meningkat dengan ketara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) *Transparency International* pada tahun 2019, dengan berada pada kedudukan 51 pada tahun lalu berbanding kedudukan 61 pada tahun 2018. Skor Malaysia juga menunjukkan peningkatan yang ketara dengan mendapat 53 mata, iaitu peningkatan enam (6) mata daripada 47 pada tahun 2018.

**ii. Statistik Bilangan Aduan yang diterima oleh Unit Integriti**

| Tahun | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|---|---|---|---|---|
| Bil. Aduan | 40 | 50 | 22 | 24 |



### iii. Statistik Tatatertib




*Sumber: Unit Integriti, KKR*

Carta di atas menunjukkan daripada keseluruhan 156 kes tatatertib di KKR dan JKR bagi tahun 2017 hingga 2019, kes tidak hadir bertugas merupakan kes pelanggaran peraturan yang paling tinggi berlaku dengan 80 kes (51%). Kes pelanggaran tatakelakuan mencatat kedudukan kedua tertinggi dengan 50 kes (32%) dan kes jenayah di kedudukan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 13 kes (11%). Permasalahan tidak hadir bertugas yang berlaku di KKR adalah sama dengan senario yang berlaku di kebanyakan kementerian. Pecahan lain-lain kes tatatertib adalah sepertimana di dalam carta di atas.

iv. **Bilangan pegawai yang mempunyai keterhutangan serius (merujuk pegawai yang mempunyai potongan gaji melebihi 60%) berdasarkan laporan ZRPY069 adalah seperti berikut:**

**BILANGAN PEGAWAI KETERHUTANGAN SERIUS**
**(TERMASUK PINJAMAN PERUMAHAN, TABUNG HAJI & ASB)**




**BILANGAN PEGAWAI KETERHUTANGAN SERIUS**
**(TIDAK TERMASUK PINJAMAN PERUMAHAN, TABUNG HAJI & ASB)**




*Sumber : Laporan ZRPY069*

# PENILAIAN RISIKO

Berdasarkan penarafan risiko yang telah dilaksanakan oleh SPRM pada tahun 2013 dan 2016, KKR telah diberikan penarafan risiko sebagai agensi berisiko tinggi. Penarafan risiko ini akan disemak semula oleh SPRM secara berkala setiap tiga (3) tahun atau mengikut keperluan.

Sehubungan itu, KKR telah melaksanakan *Corruption Risk Management* (CRM) versi 1.0 yang telah dibangunkan pada tahun 2015 dan CRM versi 2.0 pada tahun 2019. CRM ialah salah satu proses pengurusan untuk membantu KKR mengenal pasti kelemahan struktur yang membuka ruang dan peluang berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko dan penyelesaiannya yang melibatkan semua warga, serta menerapkan elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap. Oleh itu, Bengkel *Corruption Risk Management* Versi 2.0 anjuran UI KKR telah diadakan pada 27 hingga 29 Ogos 2019 dengan kerjasama SPRM.

Melalui CRM ini, risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat dikenal pasti dan KKR telah merangka pelan tindakan yang perlu dilaksanakan untuk membendung masalah tersebut.

Peserta bengkel ini terdiri daripada pegawai kanan KKR seramai 30 orang. Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM telah bertindak selaku fasilitator dalam membangunkan CRM KKR. Setiap peserta dibahagikan kepada kumpulan mengikut bidang kepakaran masing-masing. Seterusnya, setiap kumpulan perlu mengisi maklumat dalam Borang Pendaftaran Risiko mengenai risiko yang dikenal pasti dalam bidang dan tugas masing-masing. Risiko ini disemak dan dianalisis untuk menentukan tahap setiap risiko tersebut dalam pelan tindakan. Antara maklumat dan data lain yang digunakan oleh organisasi dalam mengenal pasti risiko rasuah adalah laporan aduan, kes tatatertib, kajian kepuasan pelanggan dan laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD). Rumusan mekanisme yang digunakan untuk pelaksanaan penilaian risiko ialah:

**01** Menganalisis data risiko rasuah semasa Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah 27-29 Ogos 2019

**02** Membangunkan Pangkalan Data OACP KKR pada 23 Januari 2020

**03** Mengenal pasti risiko governans, integriti dan rasuah semasa Bengkel Pembangunan OACP 17-19 Februari 2020

**04** Data dalaman organisasi seperti aduan, kes tatatertib, kajian kepuasan pelanggan dan laporan JKSD

**04** Data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), data SPRM, laporan Biro Pengaduan Awam

# BIDANG-BIDANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, empat (4) bidang keutamaan yang terdedah pada risiko governans, integriti dan rasuah di KKR telah dikenal pasti.

## i. TADBIR URUS

Tadbir urus ditakrifkan sebagai pelaksanaan kuasa ekonomi, politik dan pentadbiran untuk menguruskan hal ehwal kementerian. Antara kepentingan mewujudkan tadbir urus adalah memastikan kementerian diuruskan mengikut undang-undang dan nilai etika yang baik untuk meyakinkan pemegang taruh demi kepentingan pelanggan.








## ii. PENGURUSAN PROJEK

Bidang pengurusan projek merangkumi proses merancang, mereka bentuk, melaksanakan dan memantau projek. Semasa pelaksanaan projek, kementerian selaku agensi pelaksana perlu mengimbangi masa, sumber dan kualiti agar dapat menyiapkan projek tersebut dengan memenuhi objektif dan keperluan pelanggan.

## iii. PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan merujuk pada proses perancangan, pengagihan dan penggunaan tenaga manusia, modal (wang tunai), barangan (aset) dan perolehan untuk memenuhi matlamat sesuatu organisasi. Pelaksanaan proses ini hendaklah mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan yang telah dikuatkuasakan pada masa yang ditetapkan. Pengurusan kewangan yang cekap dan teratur amat penting dalam menguruskan pelbagai sumber yang terhad seperti tenaga manusia, wang, bahan-bahan mentah dan metodologi. Pihak pengurusan perlu menguruskan permintaan sumber yang banyak ini.







## iv. SUMBER MANUSIA DAN PENTADBIRAN

Sektor awam merangkumi pengurusan hal ehwal pentadbiran dan modal insan di bawah kawalan kerajaan. Penyampaian perkhidmatan awam dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej kementerian. Kementerian perlu mengambil pendekatan yang lebih luas dan sistematik serta membangunkan dasar yang sesuai dalam menguruskan kecekapan perkhidmatan.

# Memperkasa Usaha Pencegahan Rasuah

## Kementerian Kerja Raya

BAB 02


| | |
|---|---|
| GARIS PANDUAN ASAS MEMBINA KERANGKA PELAN | 22 |
| KEPERLUAN KERANGKA ORGANISASI | 23 |
| KERANGKA OACP KKR | 24 |
| PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI KKR 2021 - 2025 | 24 |
| ANALISIS KUADRAN PELAN TINDAKAN | 27 |
| KEUTAMAAN STRATEGI | 28 |
| PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN | 32 |

# Garis Panduan Asas Membina Kerangka Pelan

Untuk memastikan pelan strategik ini berjalan lancar dan mengikut perancangan yang ditetapkan, pendekatan 5A yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka OACP yang mantap. Pendekatan tersebut ialah:

| | |
|---|---|
| **JANGKAAN *(ANTICIPATION)*** | Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah oleh organisasi melalui data Corruption Risk Management (CRM), Bengkel Penggubalan dan Pembangunan OACP dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini penting untuk membantu organisasi mengenal pasti langkah-langkah pembetulan yang tepat untuk mengurangkan atau mengatasi isu rasuah, governans dan integriti. |
| **ADVOKASI *(ADVOCACY)*** | Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor dan seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan. |
| **PERSEPAKATAN *(ALLIANCE)*** | Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman organisasi dan luaran, termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan. |
| **TINDAKAN *(ACTION)*** | Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang, dasar dan peraturan sama ada melalui mekanisme semak dan imbang, pencegahan dan latihan. Organisasi perlu mengambil tindakan tegas dan adil pada semua peringkat untuk sebarang perlakuan yang bertentangan dengan peraturan. |
| **AKREDITASI *(ACCREDITATION)*** | Memfokuskan proses pemantauan dan penilaian untuk memastikan semua dasar dan peraturan telah dilaksanakan sepenuhnya oleh individu atau organisasi. Perkara ini penting untuk memperbaik dasar dan program sedia ada. |

# Keperluan Kerangka Organisasi

Pelan ini telah menetapkan empat (4) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut ialah Tadbir Urus, Pengurusan Projek, Pengurusan Kewangan serta Sumber Manusia dan Pentadbiran. Strategi yang dikenal pasti melalui empat (4) bidang keutamaan ini adalah memupuk tadbir urus yang baik di KKR, memantapkan kecekapan dalam pengurusan projek, meningkatkan akauntabiliti dan profesionalisme dalam pengurusan kewangan serta memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan memperkasakan ketelusan pentadbiran KKR. Strategi yang digariskan ini menjurus pada 10 objektif strategi yang meliputi 32 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.



# Kerangka OACP KKR

**VISI**
- Ke Arah KKR Berintegriti dan Bebas Rasuah

**MISI**
- Membudayakan Integriti dalam Semua Aspek Perkhidmatan KKR

**MATLAMAT**
- Meningkatkan keupayaan penyampaian perkhidmatan melalui tadbir urus yang telus, cekap dan berkesan
- Menghapuskan rasuah melalui pemerkasaan governans dan integriti
- Meningkatkan kompetensi, jati diri dan daya saing warga KKR

**BIDANG KEUTAMAAN**
- Tadbir Urus
- Pengurusan Projek
- Pengurusan Kewangan
- Sumber Manusia dan Pentadbiran

**STRATEGI**
- Memupuk Tadbir Urus yang Baik di KKR
- Memantapkan Kecekapan dalam Pengurusan Projek
- Meningkatkan Akauntabiliti dan Profesionalisme dalam Pengurusan Kewangan
- Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan dan Memperkasakan Ketelusan Pentadbiran KKR

# Pelan Antirasuah Organisasi KKR 2021 - 2025

| 4 | 10 | 32 | 7 | 5 | 20 |
|---|---|---|---|---|---|
| Strategi | Objektif Strategi | Pelan Tindakan | Jangka Pendek | Jangka Sederhana | Jangka Panjang |

# VISI

## KE ARAH KKR BERINTEGRITI DAN BEBAS RASUAH

OACP Kementerian Kerja Raya (KKR) dibangunkan untuk menggalakkan pembudayaan integriti serta tadbir urus yang baik dalam setiap aspek perkhidmatan. Justeru, untuk mencapai visi tersebut, peranan warga KKR adalah seperti berikut:

- Mematuhi dan mengamalkan sepenuhnya undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar negara khususnya yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;
- Meningkatkan mutu perkhidmatan dan bekerja dengan penuh tanggungjawab serta berintegriti sepanjang masa;
- Membudayakan integriti sebagai amalan kerja harian secara individu dan berpasukan di KKR; dan
- Mencegah sebarang bentuk jenayah dan salah guna kuasa, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana pihak yang berurusan dengan KKR.

# MISI

## MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DALAM SEMUA ASPEK PERKHIDMATAN KKR

KKR sebagai peneraju pembangunan infrastruktur dan pakar rujuk teknikal dalam pembinaan, KKR akan memastikan tiada salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah dilakukan oleh warganya;

Kementerian akan mempergiat usaha pembudayaan integriti di KKR untuk meningkatkan daya tahan, motivasi, moral dan produktiviti warga untuk menangani pelbagai cabaran dari dalam dan luar jabatan; dan

Kementerian akan mengambil tindakan tegas terhadap warga yang terlibat dalam aktiviti yang menjejaskan integriti dan kredibiliti KKR sebagai peneraju pembangunan infrastruktur negara.

## ANALISIS KUADRAN PELAN TINDAKAN

Hasil analisis kuadran di bawah menggambarkan keutamaan 32 inisiatif yang dikenal pasti berdasarkan punca rasuah dan kepincangan integriti yang ditemui. Penentuan keutamaan ini adalah berdasarkan Prinsip Pareto 80/20 melalui analisis terhadap tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. Penekanan diberikan pada inisiatif pada kuadran A dan B.




| | |
|---|---|
| KOMPLEKSITI | Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif |
| IMPAK | Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif |

## KEUTAMAAN STRATEGI

| BIL. | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|---|---|---|---|
| 1. | Mengeluarkan surat arahan Ketua Setiausaha kementerian sebagai kawalan dalaman mengenai Polisi Penerimaan Hadiah seiring dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998. | A | STRATEGI 1 |
| 2. | Memperkenalkan pensijilan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) MS ISO 37001 di KKR selaras dengan inisiatif NACP. | A | STRATEGI 1 |
| 3. | Mewajibkan agensi dan lembaga profesional di bawah KKR untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bagi menyokong inisiatif NACP. | A | STRATEGI 1 |
| 4. | Mengeluarkan surat arahan Ketua Setiausaha kementerian bagi memperkasakan pelaksanaan polisi pemberi maklumat atau *Whistle Blower Policy* di peringkat KKR. | A | STRATEGI 1 |
| 5. | Mengadakan program/ kursus mengenai pentadbiran kontrak dan juga tuntutan sivil di mahkamah untuk pegawai sebagai pendedahan. | A | STRATEGI 1 |
| 6. | Mewajibkan semua agensi dan Lembaga Profesional di bawah kementerian menubuhkan *Integrity and Governance Unit* (IGU). | A | STRATEGI 1 |
| 7. | Menambah baik dan menguatkuasakan arahan mengenai kaedah penggunaan media sosial seiring dengan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. | A | STRATEGI 1 |
| 8. | Mengukuhkan mekanisme pengurusan aduan kerosakan jalan di mana pihak BPF perlu mengambil tindakan awal dalam tempoh 1 hingga 3 hari dari tarikh aduan diterima. | B | STRATEGI 1 |
| 9. | Memperkasakan elemen Pemantauan Projek Sakit secara berkala di bawah Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK). | A | STRATEGI 2 |
| 10. | Mengeluarkan Garis Panduan Pengambilan Tanah (GPPT) KKR secara berkolaborasi bersama Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). | A | STRATEGI 2 |
| 11. | Memperketat kaedah-kaedah/proses pengendalian dokumen Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) yang diklasifikasikan sebagai Rahsia Rasmi Kerajaan. | A | STRATEGI 2 |

| BIL. | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|---|---|---|---|
| 12. | Mempergiat aktiviti yang dapat meningkatkan kesedaran pegawai seperti bengkel/latihan berkaitan pengurusan dokumen RMLT | A | STRATEGI 2 |
| 13. | Mengintegrasikan modul pengurusan projek, kelulusan projek dan analisis nilai dalam Sistem Perolehan Kerja Dalam Talian *(eWorks)* yang akan dibangunkan bersama MOF. | B | STRATEGI 2 |
| 14. | Memantau KPI pembayaran bil 100% dalam tempoh tujuh (7) hari ke atas semua PTJ melalui pemantauan bulanan oleh Bahagian Kewangan, KKR. | A | STRATEGI 3 |
| 15. | Mengadakan Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun untuk meningkatkan kompetensi pegawai yang terlibat. | A | STRATEGI 3 |
| 16. | Meningkatkan tahap pematuhan terhadap prosedur kutipan hasil sedia ada berdasarkan Surat Pekeliling Akauntan Negara (SPANM) yang telah dikeluarkan. | A | STRATEGI 3 |
| 17. | Mengeluarkan surat tunjuk sebab daripada KSU kepada Ketua Pejabat Pemungut sekiranya terdapat Pejabat Pemungut yang lewat memasukkan kutipan hasil ke akaun kerajaan. | A | STRATEGI 3 |
| 18. | Memberikan pendedahan melalui Kursus *Lesson Learnt* tentang isu yang berulang Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) untuk pegawai yang terlibat di dalam pengurusan projek dan kewangan. | A | STRATEGI 3 |
| 19. | Mewujudkan mekanisme pemilihan agensi pengembara untuk pembelian tiket penerbangan. | A | STRATEGI 3 |
| 20. | Mengadakan Program Nilai-nilai Murni yang memberikan tumpuan terhadap isu-isu berikut:<br>i. Rasuah dan salah guna kuasa;<br>ii. Kebocoran maklumat dan rahsia rasmi kerajaan;<br>iii. Ketidakhadiran bertugas/ Missing in action (MIA);<br>iv. Tuntutan palsu; dan<br>v. Keterhutangan serius. | A | STRATEGI 3 |

| BIL. | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|---|---|---|---|
| 21. | Mengadakan kursus kewangan berkaitan prosedur perolehan tender dan sebut harga. | A | STRATEGI 3 |
| 22. | Memantapkan dan memperkemas Prosedur Operasi Standard (SOP) pelaksanaan perolehan KKR. | A | STRATEGI 3 |
| 23. | Melaksanakan pusingan kerja kepada penjawat awam terutama yang memegang jawatan sensitif secara mandatori di Bahagian Kewangan, Bahagian Pembangunan & Penswastaan dan Bahagian Pengurusan Fasiliti selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 – Panduan Pertukaran Pegawai Awam. | A | STRATEGI 4 |
| 24. | Melaksanakan penilaian Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN) selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 Siri 7 No.1 Tahun 2007 untuk membangunkan strategi meningkatkan amalan dan penghayatan nilai murni di KKR. | A | STRATEGI 4 |
| 25. | Mengadakan kursus kerohanian, nilai-nilai Islam dan pengukuhan integriti seiring dengan Ruang Lingkup Pelan Antirasuah Nasional (NACP). | A | STRATEGI 4 |
| 26. | Mengukuhkan mekanisme dalam mengenakan tindakan punitif (surcaj/ tatatertib) jika berlaku kehilangan aset akibat kecuaian pegawai berdasarkan Pekeliling Am 2.8 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Kehilangan dan Hapus Kira. | A | STRATEGI 4 |
| 27. | Memberikan sijil pencapaian kepada bahagian/ agensi yang melaksanakan pengurusan aset terbaik dan dilaporkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) | A | STRATEGI 4 |

| BIL. | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|---|---|---|---|
| 28. | Memantapkan aktiviti penyaluran maklumat melalui pelbagai saluran media (Facebook, e-mel, Twitter) yang memberikan tumpuan pada:<br>i. Tatacara penggunaan aset;<br>ii. Tatacara pengurusan dokumen;<br>iii. Kod Etika KKR;<br>iv. Pematuhan waktu bekerja; dan<br>v. Tatacara penggunaan media sosial | A | STRATEGI 4 |
| 29. | Memperkukuh tahap pematuhan keselamatan perlindungan dokumen terperingkat selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2020 mengenai Pemakluman Pemakaian dan Penguatkuasaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). | A | STRATEGI 4 |
